

NAMA : TINGKATAN:

SULIT

**GEMPUR KECEMERLANGAN TINGKATAN 5
SESI AKADEMIK 2026**

**ANJURAN BERSAMA
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI PERLIS
DAN
MAJLIS GURU CEMERLANG NEGERI PERLIS**

**PERNIAGAAN
Kertas 1
Ogos 2026
1 jam 15 minit**



3766/1

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan objektif.*
2. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
3. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
4. *Penggunaan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan adalah dibenarkan.*

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

- 1 Apakah tujuan perniagaan?
- A Memaksimumkan keuntungan peniaga
 - B Mengeluarkan barang atau perkhidmatan
 - C Urusniaga jual beli antara penjual dengan peniaga
 - D Menawarkan barang atau perkhidmatan oleh peniaga kepada pembeli
- 2 Pernyataan yang manakah berkaitan dengan Perkongsian Liabiliti Terhad?
- A Entiti berasingan
 - B Perniagaan tidak berterusan
 - C Menanggung liabiliti tidak terhad
 - D Bilangan ahli antara 2 hingga 50 orang
- 3 Logo 1 menunjukkan jenama sebuah perniagaan.



Logo 1

Pernyataan manakah yang menerangkan tentang perniagaan di atas?

- I Perniagaan bersaiz besar
 - II Terlibat dalam sektor kedua
 - III Berskala domestik kebangsaan
 - IV Menyediakan perkhidmatan langsung
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan Perniagaan Sos Cap Stokin.

Hasil bantuan dan kerjasama dari MATRADE, Perniagaan Sos Cap Stokin telah berjaya menembusi pasaran Brunei dan Indonesia pada Januari 2026.

Apakah skala perniagaan yang telah dicapai oleh perniagaan tersebut?

- A Domestik negeri
- B Domestik tempatan
- C Antarabangsa zon
- D Antarabangsa global

- 5 Berikut ialah dialog antara Encik Toyib dengan Encik Beragas :

Toyib : Aku baharu sahaja dibuang kerja kerana perniagaan majikan aku sudah tidak mampu membayar gaji kami semua akibat jualan yang semakin merosot.

En.Beragas : Aku pun dibuang kerja juga, cuma puncanya kemahiran aku sebagai penebar roti canai tidak lagi diperlukan di kedai makan tempat aku bekerja itu.

Apakah jenis pengangguran yang dialami oleh En. Toyib dan En. Beragas?

	En. Toyib	En. Beragas
A	Pengangguran teknologi	Pengangguran kitaran
B	Pengangguran struktur	Pengangguran bermusim
C	Pengangguran kitaran	Pengangguran struktur
D	Pengangguran bermusim	Pengangguran teknologi

- 6 Barang manakah yang tergolong dalam pasaran produk?

- A Gula
- B Saham
- C Sabun pencuci
- D Pakej pelancongan

- 7 Maklumat berikut berkaitan dengan Restoren Markonah dan Anak-anak.

Restoren Markonah dan Anak Anak bercadang untuk merekrut seorang tukang masak dari pesaingnya untuk mengisi kekosongan jawatan tukang masak. Walau bagaimanapun, kenaikan harga minyak semasa di seluruh dunia mengakibatkan kos perniagaan semakin meningkat, sekaligus menyebabkan Puan Markonah terpaksa membatalkan cadangannya itu dan hanya menaikkan pangkat salah seorang pembancuh air sebagai tukang masak.

Berdasarkan situasi di atas, yang manakah faktor-faktor yang mempengaruhi perubahan dalam perniagaan?

- I Teknologi
- II Pemasaran
- III Sumber manusia
- IV Ekonomi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV



- 8 Guna tenaga penuh ialah kadar pengangguran yang berada pada kadar
- A Bersamaan 4 peratus atau kurang
 - B Bersamaan 4 peratus atau lebih
 - C Kurang dari 4 peratus
 - D Melebihi 4 peratus
- 9 Antara berikut, yang manakah paling tepat menerangkan maksud *visi* sesebuah perniagaan?
- A Kaedah pengagihan tugas dalam organisasi
 - B Perancangan terperinci operasi harian perniagaan
 - C Matlamat jangka panjang yang ingin dicapai oleh organisasi
 - D Kedudukan semasa perniagaan pada sesuatu tempoh tertentu
- 10 Antara berikut, yang manakah merupakan ciri-ciri objektif perniagaan yang baik?
- A Spesifik, boleh diukur dan mempunyai jangka masa tertentu
 - B Ditulis secara umum dan tidak mempunyai tempoh masa
 - C Tidak boleh diukur dan bergantung pada keadaan
 - D Hanya ditetapkan oleh pekerja bawahan
- 11 Apakah tujuan penetapan visi, misi dan objektif perniagaan sebagai panduan kepada sesebuah organisasi?
- A Menyediakan sistem rekod dan dokumentasi pengurusan bagi memantau semua aktiviti pentadbiran perniagaan secara terperinci
 - B Menyediakan panduan umum dalam pelaksanaan kerja organisasi bagi memastikan setiap jabatan menjalankan fungsi masing-masing secara tersusun
 - C Menyediakan garis panduan aktiviti operasi harian supaya pekerja dapat melaksanakan tugas mengikut arahan tanpa mengambil kira hala tuju jangka panjang organisasi
 - D Menyediakan hala tuju strategik jangka panjang yang jelas serta menyelaraskan semua aktiviti organisasi ke arah pencapaian matlamat perniagaan yang berdaya saing
- 12 Sebuah syarikat menghadapi masalah pengeluaran yang tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan pelanggan. Bahagian manakah yang paling sesuai terlibat secara langsung untuk menyelesaikan masalah tersebut?
- A Bahagian Sumber Manusia untuk merekrut pekerja baharu
 - B Bahagian Pentadbiran untuk mengurus fail dan rekod syarikat
 - C Bahagian Kewangan untuk menyediakan laporan keuntungan syarikat
 - D Bahagian Pengeluaran untuk meningkatkan kapasiti dan kecekapan operasi
- 13 Apakah tujuan utama bahagian fungsian diwujudkan dalam sesebuah organisasi perniagaan?
- A Untuk mengurangkan bilangan pekerja dalam organisasi
 - B Untuk meningkatkan keuntungan perniagaan secara langsung
 - C Untuk menggantikan peranan pengurusan atasan dalam membuat keputusan
 - D Untuk memastikan setiap tugas dilaksanakan oleh jabatan yang berbeza mengikut kepakaran

- 14 Antara berikut, yang manakah menerangkan maksud pembangunan produk dalam konteks perniagaan?
- A Proses menghasilkan atau menambah baik produk sedia ada bagi memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan
 - B Proses menamatkan pengeluaran produk yang tidak mendapat sambutan di pasaran
 - C Proses menghasilkan produk baharu tanpa mengambil kira keperluan pelanggan
 - D Proses mengubah suai produk sedia ada tanpa penambahbaikan kualiti

- 15 Maklumat di bawah berkaitan dengan Syarikat Bintang Kejora Enterprise.

Syarikat menghadapi masalah kelewatan penghantaran produk kepada pelanggan kerana stok bahan mentah sering kehabisan. Apakah tindakan paling sesuai yang perlu diambil oleh bahagian pengeluaran bagi menyelesaikan masalah tersebut melalui interaksi dengan bahagian lain?

- A Mengurangkan jumlah pengeluaran untuk mengelakkan kehabisan stok
 - B Berhubung dengan bahagian pemasaran untuk menukar strategi promosi
 - C Mengarahkan bahagian kewangan untuk mengurangkan bajet operasi syarikat
 - D Berinteraksi dengan bahagian pembelian bagi memastikan bekalan bahan mentah sentiasa mencukupi
- 16 Antara berikut, yang manakah paling tepat menerangkan maksud pengurusan sumber manusia?
- A Proses mengurus kewangan dan keuntungan organisasi
 - B Proses mengatur dan menyelaraskan semua aktiviti berkaitan pekerja
 - C Proses menghasilkan dan memasarkan produk kepada pengguna akhir
 - D Proses merancang, mengurus dan membangunkan tenaga kerja dalam organisasi

- 17 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan pengurusan sumber manusia.

HPA Industries Sdn. Bhd. membayar bonus kepada pekerja yang berproduktiviti tinggi.

Apakah peranan pengurusan sumber manusia tersebut?

- A Pemantapan budaya profesional
 - B Pemberian insentif yang munasabah
 - C Merancang keperluan sumber manusia
 - D Menyediakan latihan dan pembangunan
- 18 Mengapakah kemahiran kebolehkeraan penting kepada pekerja?
- A Pekerja dapat melaksanakan kerja lebih cekap
 - B Pekerja akan dibayar dengan gaji yang tinggi
 - C Memudahkan pekerja untuk naik pangkat
 - D Pekerja tidak memerlukan tunjuk ajar

- 19 Maklumat berikut menunjukkan faktor penentu sistem penggajian yang diamalkan di sebuah organisasi.

Encik Fuad telah bertugas sebagai pengurus operasi selama 5 tahun di Pembekal Makanan Sejuk Beku Faizal Sdn. Bhd. Baru-baru ini, syarikat Encik Fuad telah melantik beliau sebagai pengurus besar di cawangan Perlis dengan kenaikan gaji sebanyak 20%.

Apakah faktor penentu sistem penggajian yang diterima oleh Encik Fuad?

- A Bentuk dan jenis tugas
 - B Kemampuan organisasi
 - C Permintaan dan penawaran buruh
 - D Ganjaran yang dibayar oleh pesaing
- 20 Pernyataan manakah yang berkaitan dengan paten?
- A Permohonan paten boleh dibuat di Suruhanjaya Syarikat Malaysia
 - B Pendaftaran paten di Malaysia melayakkan perlindungan di seluruh dunia
 - C Syarikat boleh mempatenkan hasil karya seni bagi melindungi hasil cipta
 - D Reka cipta yang belum dizahirkan oleh mana-mana syarikat boleh dipatenkan
- 21 Antara yang berikut, yang manakah merupakan sumber teknologi PERODUA?
- I Kilang pengeluaran kereta
 - II Reka bentuk kereta keluaran PERODUA
 - III Meningkatkan kemahiran terkini dan pengalaman pekerja
 - IV Penggunaan peralatan teknologi maklumat dan komunikasi
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV



- 22 Gambar 1 menunjukkan sebuah perniagaan menjual sate.



Gambar 1

Apakah jenis modal yang sesuai bagi perniagaan sate tersebut?

- I Wang tunai
 - II Bangunan
 - III Pekerja mahir
 - IV Peralatan memasak
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 23 Apakah kelebihan mendapat sumber dana dengan menggunakan kaedah pempfaktoran?
- A Mendapat tunai dengan segera
 - B Mengurangkan pembayaran faedah
 - C Mengurangkan kecairan perniagaan
 - D Meningkatkan simpanan perniagaan
- 24 Maklumat di bawah berkaitan dengan Encik Azli.

Encik Azli merupakan usahawan Restoran Nasi Ayam Warisan. Restoran beliau mendapat sambutan hangat daripada penduduk sekitar dan menjadi tular. Permintaan yang semakin meningkat menyebabkan beliau berhasrat mengembangkan perniagaan sedia ada dengan kos sebanyak RM35 000. Encik Azli merupakan pemegang akaun semasa, namun baki akaun semasa beliau hanya berjumlah RM20 000 sahaja.

Apakah sumber pembiayaan yang sesuai dimohon oleh Encik Azli sebagai modal untuk mengembangkan perniagaan beliau?

- A Pempfaktoran
- B Ar-Rahnu
- C Overdraf
- D Syer

25 Apakah kelemahan sumber pembiayaan daripada bank?

- A Modal terhad
- B Memerlukan cagaran
- C Jumlah pinjaman terhad
- D Sukar menambah modal

26 Maklumat di bawah berkaitan dengan Syarikat Maju Jaya.

Syarikat Maju Jaya menggunakan maklumat dalam penyata kewangan Ali Trading untuk menentukan had kredit yang layak diberikan kepada Ali Trading.

Siapakah Syarikat Maju Jaya?

- A Pelabur
- B Pembekal
- C Pihak pengurusan
- D Pemegang saham

27 Mengapakah peniaga menggunakan analisis titik pulang modal untuk perniagaannya?

- A Menjamin keberuntungan perniagaan
- B Memastikan produk yang dijual disukai ramai
- C Memastikan sesebuah perniagaan itu berdaya saing
- D Membolehkan peniaga merancang pengeluaran untuk memperoleh keuntungan sasaran

28 Maklumat berikut menunjukkan nisbah semasa bagi sebuah perniagaan pada tahun 2024 dan 2025.

TAHUN	NISBAH SEMASA
2024	2:1
2025	3:1

Apakah prestasi perniagaan bagi tahun 2025?

- A Prestasi perniagaan merosot dan tidak mampu membayar hutang
- B Risiko perniagaan telah meningkat dan pelaburan kurang memberi pulangan
- C Kemampuan perniagaan membayar hutang dalam tempoh singkat telah meningkat
- D Prestasi perniagaan telah merosot dan hanya mampu membayar hutang untuk tempoh masa panjang



- 29 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri keperibadian usahawan.

Encik Jemagon pernah gagal dalam perniagaan lamanya sehingga terpaksa menjual hampir kesemua aset untuk menampung hutang. Kini beliau telah memulakan perniagaan baharu dan menghabiskan masa sehingga 12 jam sehari menguruskan perniagaannya.

Antara yang berikut, ciri manakah yang ada pada Encik Jemagon?

- I Tabah
- II Berdikari
- III Bertoleransi
- IV Komitmen yang tinggi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 30 Maklumat berikut berkaitan dengan faktor-faktor penyumbang untuk memulakan perniagaan.

Seorang individu bercadang untuk memulakan perniagaan sendiri tetapi masih sedang menilai beberapa perkara asas sebelum membuat keputusan.

Antara berikut, yang manakah faktor perlu dipertimbangkan untuk memulakan perniagaan sendiri?

- I Kedai yang cantik
- II Modal yang mencukupi
- III Pengalaman dan pengetahuan diri
- IV Warna dan reka bentuk logo yang menarik

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 31 Gambar 2 menunjukkan pembinaan masjid oleh usahawan sebagai sumbangan kepada masyarakat setempat.



Gambar 2

- Berdasarkan gambar dan situasi tersebut, apakah keberuntungan perniagaan yang paling sesuai diperoleh oleh usahawan berkenaan?
- A Melaksanakan tanggungjawab sosial
 - B Penggunaan peralatan dan teknologi terkini
 - C Mengukuhkan hubungan dengan pelanggan sedia ada
 - D Pemilihan sumber manusia yang mempunyai kepakaran
- 32 Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Encik Amir.

Encik Amir ingin menubuhkan sebuah perniagaan dengan bilangan pemegang syer tidak melebihi 50 orang sahaja. Beliau juga ingin memastikan liabiliti semua ahli adalah terhad.

- Apakah akta berkaitan dengan penubuhan perniagaan tersebut?
- A Akta Koperasi 1993
 - B Akta Syarikat 2016
 - C Akta Pendaftaran Perniagaan 1956
 - D Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2016
- 33 Maklumat berikut ialah nama perniagaan yang didaftar oleh Puan Alisha.
- SPA RIMBA ALISHA
- Berapakah jumlah bayaran pendaftaran yang dikenakan?
- A RM30
 - B RM60
 - C RM90
 - D RM120
- 34 Apakah tanggungjawab peniaga setelah memperoleh sijil perakuan pendaftaran?
- A Menyediakan dokumen perniagaan
 - B Mempamerkan sijil pendaftaran dan lesen
 - C Mempamerkan papan tanda harga barang perniagaan
 - D Mendaftarkan maklumat perubahan dalam perniagaan



- 35 Gambar 3 menunjukkan sejenis dokumen perniagaan.

RESIT RASMI SH Accessories Lot 1220, Shine Commercial Center, Batu 4, Jalan Cahaya, Kuching.		SALINAN Ref. No.: 8765 Tarikh: 14 Ogos 2013
Diterima daripada:	Hyejin Accessories	
Ringgit Malaysia:	Tiga puluh enam sahaja	
Untuk bayaran:	Menjelaskan sebahagian Invois No. SH2015	
RM: 36.00 Tunai/Cek No: 911007		<i>Shera</i> Pengurus

Gambar 3

- Di manakah dokumen di atas perlu disimpan dan direkodkan ?
- A Rekod transaksi bank
 - B Rekod kos operasi
 - C Rekod pembelian
 - D Rekod jualan

- 36 Maklumat berikut berkaitan dengan suatu urus niaga.

Puan Maizah membawa masuk wang tunai sebanyak RM10 000 sebagai modal untuk memulakan perniagaannya.

Apakah dokumen yang diwujudkan untuk urusniaga di atas?

- A Resit
 - B Memo
 - C Invois
 - D Bil tunai
- 37 Maklumat berikut diambil daripada penyata aliran tunai perniagaan Fajar Suria.

	RM
Belian tunai	7 500
Penghutang	400
Sewa	1000
Komisen diterima	200
Utiliti	350

Berapakah jumlah pembayaran yang terlibat?

- A RM 8 250
- B RM 8 450
- C RM 9 250
- D RM 9 450

- 38 Mengapakah sesetengah iklan yang disiarkan di televisyen tidak mempamerkan harga produk?
- A Menjimatkan kos penyiaran iklan
 - B Meningkatkan jualan dan keuntungan perniagaan
 - C Mendorong pengguna mencari produk tersebut di pasaran
 - D Mengelakkan pesaing mengeluarkan produk yang mempunyai ciri yang sama
- 39 Rancangan perniagaan juga dikenali sebagai
- I Kertas projek
 - II Kertas laporan
 - III Pelan bangunan
 - IV Pelan induk perniagaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 40 Berdasarkan pilihan jawapan dalam jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan 1	Pernyataan 2
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Salah	Salah
D	Betul	Betul

- I Rancangan Perniagaan membantu usahawan untuk merancang keperluan sumber perniagaan dengan lebih jelas dan sistematik.
- II Keperluan pelanggan dinyatakan di bahagian Rancangan Operasi.

KERTAS SOALAN TAMAT.

